



Noor  
Mohamad  
Shakil  
Hameed

Teka-teki berpanjangan siapa bakal menduduki kerusi panas Presiden Persatuan Bola Sepak Malaysia (FAM) sudah terjawap apabila Tunku Mahkota Johor (TMJ) Tunku Ismail Sultan Ibrahim menang tanpa bertanding selepas satu-satunya calon yang layak bertanding Tan Sri Annuar Musa menarik diri 48 jam sebelum sesi pemilihan.

Walaupun kemenangan Tunku Ismail diramal oleh semua, namun kesanggupan baginda untuk menyahut cabaran dan menduduki kerusi No 1 di FAM menarik perhatian khalayak, terutama peminat bola sepak tanah air yang dahagakan perubahan mendadak. Hal ini kerana hampir semua Presiden FAM sebelum ini berhadapan dengan pelbagai cabaran, dugaan, ujian dan juga kritikan apabila prestasi pasukan bola sepak negara tidak konsisten dan terus mengecewakan.

Kita pernah layak ke Sukan Olimpik sebanyak dua kali dan pernah cemerlang di peringkat Sukan Asia, tetapi semua sejarah lama itu kelihatan terlalu sukar untuk diulangi. Kelayakan Piala Dunia dan Sukan Olimpik hari ini masih jauh daripada jangkauan sehingga begitu sukar untuk melepassi pusingan pertama, malah pencapaian di kejohanan peringkat serantau seperti Sukan SEA juga tidak begitu meyakinkan. Dan semua pencapaian dan prestasi ini akan menghantui dan menjadi badi kepada FAM umumnya dan Presiden FAM khususnya.

Jadi tidak menghairankan apabila peminat tempatan mula menaruh harapan besar kepada barisan kepimpinan baru FAM yang diterajui oleh Tunku Ismail. Baginda berjaya mencipta nama dalam dunia bola sepak tempatan begitu pantas dan bergaya sebaik

mengambil alih jawatan Presiden Persatuan Bola Sepak Negeri Johor (PBNJ) pada 2012.

Sejak itu pasukan Johor Darul Takzim (JDT) mula mencipta fenomena baru dalam dunia bola sepak tempatan. Kejayaan JDT menjuarai Liga Super, Piala FA, Piala Sumbangsih dan mencipta sejarah sebagai kelab pertama dari Malaysia menjuarai Piala AFC membuktikan kemampuan dan ketokohan Tunku Ismail dalam arena bola sepak. Ini meletakkan baginda sebagai antara calon terbaik yang dilihat mampu membawa transformasi yang menyeluruh kepada pengurusan FAM dan juga prestasi pasukan bola sepak negara.

Sebagai peminat sukan bola sepak, penulis tertarik dengan 11 perkara yang diumumkan oleh baginda sebagai manifesto jika terpilih sebagai Presiden FAM dan kini tiba masanya untuk baginda menuaikan satu demi satu manifesto yang dibentangkan. Secara ringkasnya bola kini di kaki Tunku Ismail dan terserah pada baginda untuk membuktikan kemampuan sejauh mana mampu mengemudi FAM seterusnya menjaringkan gol mengikut cara dan gaya baginda tersebut.

Intipati manifesto yang dikemukakan dilihat amat signifikan dan relevan dalam mengubah landskap keseluruhan pengurusan bola sepak negara. Manifesto yang dibentangkan ialah, memastikan FAM tidak digunakan untuk kepentingan politik, mengubah budaya bola sepak negara dengan FAM dirombak sepenuhnya, pembaharuan dalam urus

tadbir dengan mengubah struktur organisasi kebangsaan, meminda perlembagaan FAM agar penyokong diberi hak untuk memilih presiden,

meningkatkan nilai komersial Liga Super dan Liga Premier, menyediakan program pembangunan bola sepak negara secara keseluruhan, merintis pendekatan global dalam pembangunan bola sepak dengan menggunakan pakar antarabangsa sebelum akhirnya beralih kepada

**FAKTA**  
11 perkara yang diumumkan Tunku Ismail sebagai manifesto jika terpilih sebagai Presiden FAM kini tiba masanya untuk direalisasikan



## Bola sudah di kaki TMJ

tenaga kejuruteraan tempatan, pasukan kebangsaan akan mempunyai struktur pengurusan di mana Ketua Pegawai Eksekutif melaporkan terus kepada Presiden, membina satu proses untuk pengadil mempunyai karier sepenuh masa, memastikan fasiliti negara menyokong pembangunan teknikal perlawanan dan yang terakhir merombak keseluruhan struktur bola sepak negara.

Secara umumnya semua 11 manifesto ini boleh dikatakan memenuhi impian, aspirasi dan hasrat peminat tempatan selama ini. Inilah yang dikehendaki oleh bola sepak negara agar kita dapat kembali memartabatkan sukan bola sepak baik di peringkat serantau mahupun antarabangsa. Tetapi perlu diingat bukan mudah untuk melaksanakan semua ini. Komitmen dan keyakinan Tunku Ismail semata-mata tidak mampu merealisasikan

impian besar bola sepak negara ini. Baginda tidak boleh dibiarakan keseorang dalam mengeluarkan bola sepak negara dari zaman kesuraman. Paling penting di sini ialah keseluruhan kepemimpinan FAM perlu berganding bahu dan menyokong penuh transformasi yang bakal dilakukan Tunku Ismail. Ia tidak mustahil berlaku kerana hampir keseluruhan Exco yang terpilih kali ini adalah muka baru dan penulis yakin mereka dapat memberikan kerjasama yang padu kepada Presiden baru.

Dalam pada itu kita juga berharap agar penyokong dan peminat bola sepak akan turut berdiri teguh di belakang kepemimpinan baru FAM ini. Bagi ruang dan peluang kepada pasukan baru ini menuaikan amanah dan tanggungjawab mereka sebaik mungkin. Kritik boleh tetapi biarlah dalam bentuk maklum balas atau cadangan yang membina dan bukannya menghina. Perlu diingat

perubahan memerlukan masa yang panjang, jangan harap kita terus dapat layak ke Sukan Olimpik mahupun Piala Dunia yang akan datang. Kita perlu berpikir dengan pelbagai isu dan kontroversi terutama dari segi pengurusan kewangan dan penajaan. Kemudian barulah kita boleh merangka

perlu rombak budaya kerja dan cara pemikiran pengurusan FAM secara total. Bersihkan dulu imej FAM yang sering dikaitkan dengan pelbagai isu dan kontroversi terutama dari segi pengurusan kewangan dan penajaan. Kemudian barulah kita boleh merangka

pelan jangka panjang untuk memajukan bola sepak negara secara menyeluruh. Ia perlu dilakukan dari peringkat akar umbi iaitu membatikan proses penyediaan ekosistem yang boleh melahirkan ataupun mengenalpasti bakat baru dan muda dari peringkat sekolah rendah lagi. Penulis percaya negara kita tidak ketandusan bakat bola sepak, namun masalahnya sejauhmana kita mempunyai sistem yang baik dalam mengenalpasti mereka, seterusnya menyediakan program latihan dan pembangunan yang berterusan.

Justeru, besarlah harapan semua agar Tunku Ismail dapat memberi fokus utama untuk meletakkan batu asas yang kuat bagi membina sebuah pasukan bola sepak kebangsaan yang kuat dan konsisten dalam beberapa tahun yang akan datang. Laburlah secara bijak dan strategik dalam program pembangunan dan latihan bakat-bakat.

Penulis percaya kreativiti dan keikhlasan baginda mampu mencipta sebuah legasi yang hebat. Sama-sama kita menantikan magis dari Tunku Ismail agar bola sepak negara dapat keluar dari zaman kesuraman dan tidak mustahil untuk kita sekali lagi muncul sebagai antara pasukan yang digeruni di rantau ini.

**Penulis Ketua Bahagian Hal Ehwal Pelajar UPM**